

KAJIAN TERHADAP KESEDARAN PENDIDIKAN DI KALANGAN MASYARAKAT ORANG ASLI

MOHAMAD JOHDI BIN SALLEH, PhD

NORUL KHAIRIAH BINTI IDRIS

NUR AWANIS BINTI ABD AZIZ

NURUL HUDA BINTI YUSUF

SITI AISYAH BINTI HASHIM

Institute of Education

International Islamic University Malaysia (IIUM)

Abstrak

Kajian ini membincangkan tentang kesedaran masyarakat orang asli terhadap pendidikan, pencapaian akademik anak-anak mereka di sekolah dan mengenalpasti faktor-faktor keciciran sebahagian daripada mereka. Kajian ini dijalankan di tiga tempat iaitu Gombak, Janda Baik dan Bangsar dengan menggunakan kaedah soal-selidik, temubual dan pemerhatian. Dapatkan daripada kajian menunjukkan bahawa kesedaran di kalangan anak-anak orang asli ini telah lama wujud tetapi pengaruh budaya telah mnyenyempitkan mentaliti mereka untuk mengubah gaya dan taraf hidup. Bahkan ibu bapa mereka juga turut menyedari hakikat kepentingan pendidikan. Oleh kerana kebanyakan ibubapa pelajar-pelajar orang asli mempunyai taraf pendidikan yang rendah, menyebabkan mereka tidak mampu untuk membantu dalam pelajaran anak-anak. Hal ini mendorong mereka menghantar anak-anak belajar di bandar dan menyerahkan segala tanggungjawab mendidik kepada pihak sekolah. Semoga kajian ini akan memberi inspirasi kepada pihak yang terlibat dengan perancangan dan pembangunan masyarakat orang asli di Malaysia.

1. PENGENALAN

Orang Asli telah hidup di dalam masyarakat yang terasing dan kurang mendapat perkhidmatan sempurna terutama pendidikan dan kesihatan. Kedudukan geografi yang terletak jauh di pedalaman telah mengukuhkan pemikiran di kebanyakan masyarakat orang asli bahawa tiada faedah untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Mengikut perangkaan, terdapat lebih kurang 80 peratus kanak-kanak Orang Asli yang tidak pernah menamatkan persekolahan di peringkat sekolah menengah (Utusan Malaysia, Mei 2007).

Secara umum, ibu dan bapa masyarakat orang-orang asli masih tidak berminat dengan pendidikan. Mereka melihat sekolah sebagai suatu tempat untuk menghantar anak-anak mereka untuk bermain dan juga makan. Tetapi apabila mereka melihat masyarakat luar menunjukkan minat terhadap pendidikan anak-anak orang asli, mereka menjadi lebih sedar tentang perlunya pendidikan. Tetapi ia masih sukar untuk mengubah

persepsi mereka disebabkan oleh kurangnya bantuan dan sokongan untuk pendidikan anak-anak orang asli.

Justeru kajian ini dijalankan untuk mengkaji sejauh mana kesedaran masyarakat orang asli terhadap pendidikan dan juga faktor-faktor yang mendorong mereka untuk menjadikan pendidikan sebagai satu cara untuk menaiktaraf kehidupan mereka. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat faktor-faktor keciciran pendidikan di kalangan masyarakat orang asli.

2. KAJIAN TERDAHULU

Berdasarkan kajian yang dibuat di Australia, negara tersebut telah berjaya meletakkan dirinya antara pusat kecemerlangan akademik yang terunggul di dunia, tetapi yang menyedihihkan tahap pendidikan kaum aslinya sendiri masih terabai. Wartawan Malaysia Suhaimi Sulaiman yang derada di Australia baru-baru ini mendapati tahap pencapaian akademik mereka masih rendah dan peluang mendapat pekerjaan masih kecil. Kajian menunjukkan bahawa jumlah pelajar di University of New South Wales, di Sydney Australia adalah seramai 28,000 orang. Pelajar keturunan orang asli hanya seramai 110 orang, iaitu 0.4 peratus daripada jumlah masyarakat kampus.

Wartawan Suhaimi Sulaiman melaporkan, masa depan dalam pasaran pekerjaan tidak begitu cerah bagi kaum *aborigines* dalam era IT ini. Cuma 2.2 peratus sahaja daripada masyarakat orang asli lulus pengajian di peringkat institusi pengajian tinggi. Purata orang asli di Australia yang berjaya menamatkan pelajaran di kampus ialah 12.8 peratus. Jika diperhatikan situasi di Austaralia adalah lebih kurang sama dengan situasi di Malaysia di mana peratusan pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran ke tahap yang tinggi adalah rendah iaitu tidak sampai kepada 15 peratus.

Penempatan orang asli adalah berpusat di kawasan pedalaman. Merujuk kepada kajian yang dibuat oleh Steve Nettleton (2007), kedudukan geografi mereka yang terletak jauh di pedalaman telah mengukuhkan pemikiran di kebanyakan masyarakat orang asli bahawa tiada faedah untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah.

Dalam kajian Nettleton juga, Noor Hayati Bt Husin, seorang penyelia daripada KEMAS berkata, “Kami dapati ibubapa di dalam masyarakat ini mempunyai hanya sedikit kemahiran keibubapaan.”. Kurang kemahiran dalam ilmu keibubapaan di kalangan masyarakat orang asli dikenalpasti sebagai faktor lain yang boleh membantutkan perkembangan minda anak-anak. Sedangkan, ilmu keibubapaan adalah sangat penting untuk membantu pekembangan pendidikan anak-anak.

Mengikut perangkaan UNICEF (2007), terdapat lebih kurang 80 peratus kanak-kanak Orang Asli yang tidak pernah menamatkan persekolahan di peringkat sekolah menengah. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh seorang aktivis Mahat a/l Mat Dong (2005), masalah keciciran pendidikan timbul dalam kalangan Orang Asli ini berpunca

daripada satu atau gandingan beberapa faktor di antaranya kerana ikatan kekeluargaan yang cukup akrab, yang mana anak-anak enggan tinggal berjauhan dari keluarga.

Menurut Muhammad Bukhori Bin Alias, Setiausaha Agong PKPIM (2007), statistik terbaru menunjukkan 34.31 peratus atau 1,322 daripada 3,853 pelajar orang asli yang tamat tahun enam gagal untuk menyambung pelajaran ke tingkatan satu pada tahun 2006. Gejala ini amat perlu diberikan perhatian. Beberapa faktor dikaitkan dengan berlakunya perkara ini antaranya desakan ibu-bapa pelajar orang asli yang mahu anak mereka membantu menambah pendapatan keluarga.

Mengikut Tok Batin perkampungan Orang Asli di kawasan penempatan semula di Sawah Batu, Pekan iaitu Hamid a/l Sepeh, tidak ramai daripada mereka yang terus ke sekolah menengah. Ramai tercicir lepas sekolah rendah.

Berdasarkan laporan mengenai perkembangan pendidikan pelajar Orang Asli di Pekan, hanya antara 30 peratus sehingga 35 peratus murid Tahun Enam menyambung pelajaran ke Tingkatan Satu. Selain itu, peratus kehadiran pelajar amat rendah dan tidak konsisten, sekali gus menyumbang kepada keciciran dan buta huruf tinggi di kalangan mereka.

Menurut Majid b. Suhut, Presiden Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia (POASM) (2006), Sistem Merit yang dilaksanakan oleh kerajaan sekarang menimbulkan masalah besar kepada anak-anak Orang Asli memasuki IPT (IPTA / IPTS). Kemajuan Teknologi IT dengan sistem atau kaedah permohonan kemasukan secara "online" menyukarkan pelajar-pelajar Orang Asli untuk membuat permohonan kemasukan ke IPT. Perkembangan seperti inilah sebenarnya membantut kemajuan pendidikan Orang Asli; sekali gus pintu masuk ke menara gading bagi Orang Asli adalah kabur dan sebahagiannya gelap sama sekali.

Sistem pendidikan sekolah atau persekitaran sekolah atau tempat belajar yang tidak bersesuaian dengan budaya anak-anak Orang Asli. Suasana Persekolahan sedemikian mendorong anak-anak Orang Asli jadi malas ke sekolah. Terbukti bahawa persekitaran pembelajaran dan kaedah pengajaran di sekolah menjana faktor keciciran pelajar-pelajar Orang Asli. Fenomena ini mengatasi faktor sikap ibubapa, pelajar malas sekolah, dan tidak mahu bergaul sebagai faktor keciciran pelajar Orang Asli.

Pada hari ini Dasar JHEOA hanya memberi bantuan kepada pelajar-pelajar IPTA sahaja tetapi pelajar-pelajar yang menuntut di IPTS dianaktirikan.

Menurut Ketua Pengarah JHEOA iaitu Datuk Fadzil Mahamud, kajian jabatan itu mendapati kadar keciciran pelajar masyarakat berkenaan di sekolah rendah tahun lalu menurun mendadak kepada 0.34 peratus berbanding 56.4 peratus pada 2003. Daripada enrolmen 3,853 pelajar pada 2000, hanya 34 orang atau 0.34 peratus gagal menamatkan persekolahan hingga Tahun Enam. Ini menunjukkan kadar keciciran pada peringkat pendidikan rendah semakin terkawal. Kadar keciciran peringkat sekolah menengah juga menurun tetapi perlahan, iaitu 54.65 peratus tahun lalu berbanding 70.98 peratus pada

2003. Kita juga berusaha meningkatkan kadar celik huruf sehingga melebihi 80 peratus. Sambil menjelaskan 34,728 anak Orang Asli sedang mengikuti persekolahan rendah dan menengah, beliau berkata, jumlah pelajar masyarakat itu bersekolah meningkat tiga peratus setahun.

Berdasarkan analisa, didapati bahawa antara tahun 1996 hingga 1998, seramai 3,278 pelajar Orang Asli peringkat sekolah rendah mendaftar untuk tahun satu tetapi hanya 3,103 sahaja yang menamatkan pengajian sehingga tahun enam yang menjadikan purata keciciran 4.9 peratus.

Menurut Hon (2007), mengenai masalah keciciran pelajar dalam kalangan Orang Asli, bagi menanganinya, Kementerian Pelajaran telah mewujudkan sekolah khas untuk Orang Asli di kawasan-kawasan tertentu selain menyediakan kelas pemulihan untuk mengenal pasti murid-murid yang lemah dan Kelas Intervensi Awal membaca dan menulis untuk membantu mereka meneruskan persekolahan.

3. RASIONAL KAJIAN

Berdasarkan kepada Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), dasar Kementerian Pelajaran Malaysia adalah bertujuan untuk merapatkan jurang pendidikan antara lokasi, tahap sosioekonomi, dan tahap keupayaan pelajar.

Matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia juga adalah untuk memastikan semua sekolah dan pelajar mempunyai peluang dan keupayaan yang sama untuk cemerlang termasuklah daripada Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan. Untuk mencapai matlamat tersebut, jurang pendidikan yang perlu dirapatkan supaya akses, ekuiti, dan kualiti dapat ditingkatkan adalah jurang bandar dan luar bandar, jurang digital, jurang antara tahap pencapaian pelajar, jurang antara pelajar normal dan pelajar berkeperluan khas dan jurang sosioekonomi.

Merujuk kepada dasar dan matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia yang mementingkan kesamarataan peluang pendidikan, kajian ini dijalankan untuk mengetahui sejauh manakah matlamat ini tercapai berikutan kadar keciciran pendidikan dikalangan masyarakat orang asli masih lagi tinggi.

4. LOKASI KAJIAN

Pengkaji telah menjalankan kajian di tiga tempat berlainan bagi mendapatkan maklumat berdasarkan matlamat dan objektif kajian yang telah digariskan. Tempat kajian yang pertama telah dijalankan di Kampung Ulu Chemperoh Janda Baik Pahang, dilakukan pada 24 Februari 2008 jam 10.30 pagi. Kemudian kajian ini dijalankan di perkampungan Orang Asli Batu 12 Gombak pada 29 Februari 2008 jam 3 petang.

“Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009”, 3 – 5 Februari 2009, Hotel Beverly, Kota Kinabalu, Sabah. Anjuran: Sekolah Pembangunan dan Pendidikan Sosial, UMS Sabah.

Manakala, lokasi seterusnya telah dijalankan di Asrama Darul Falah (ASDAF) Bangsar pada 3 Mac 2008 jam 9 pagi.

5. KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran yang difokuskan adalah masyarakat orang asli yang terdiri daripada ibubapa dan anak-anak orang asli yang terlibat secara langsung dalam pendidikan. Maklumat juga diperolehi daripada pengetua Asrama Darul Falah (Encik Hasmadi), Encik Hussein sebagai ketua kampung atau Tok Batin di perkampungan orang asli Batu 12 Gombak, dan Puan Ainon (aktivis masyarakat) yang banyak berkhidmat kepada masyarakat orang asli Janda Baik. Selain itu, pelajar universiti yang terlibat dengan program kemasyarakatan orang asli juga dijadikan sebagai kumpulan sasaran.

6. KAEDEH KAJIAN

Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif yang digunakan di dalam kajian ini adalah melalui temubual dan pemerhatian. Kaedah temubual ini melibatkan 7 orang responden iaitu pengetua Asrama Darul Falah, ketua kampung atau Tok Batin Kg. Batu 12 Gombak, aktivis masyarakat, dua orang pelajar UIAM yang banyak terlibat dalam program kemasyarakatan dan dua orang pelajar orang asli.

Manakala kaedah kuantitatif pula menggunakan kaedah soal-selidik. Soalan soal selidik ini telah diagihkan kepada kepada 30 orang pelajar Asrama Darul Falah iaitu 13 lelaki dan 17 perempuan yang terdiri daripada etnik yang berlainan. Soal selidik ini telah dijalankan selama sejam termasuk penerangan di dewan makan Asrama Darul Falah.

Soalan soal selidik terdiri daripada dua bahagian, setiap bahagian mempunyai 10 soalan. Bahagian pertama mengkaji tahap kesedaran pelajar terhadap pendidikan, manakala bahagian kedua mengkaji faktor luaran yang mempengaruhi tahap kesedaran pendidikan pelajar. Dalam soalan soal selidik ini pengkaji menggunakan skala *likert scale* seperti sangat tidak setuju, tidak setuju, setuju dan sangat setuju. Soalan soal selidik ini dilampirkan di bahagian lampiran.

7. MATLAMAT & OBJEKTIF KAJIAN

Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengetahui sejauh mana kesedaran masyarakat orang asli terhadap kepentingan pendidikan anak-anak mereka.

10. PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

10.1. DAPATAN KAJIAN MELALUI SOAL SELIDIK

Berikut adalah hasil kajian soal selidik yang dijalankan di ASDAF.

		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1.	Pelajaran penting dalam hidup saya	1 (3.3%)	00	5 (16.7%)	24 (80.0%)
2.	Saya tidak kisah tentang pelajaran	18 (60.0%)	8 (26.7%)	1 (3.3%)	3 (10.0%)
3.	Setiap keputusan ditentukan oleh saya	3 (10.0%)	11 (36.7%)	10 (33.3%)	6 (20.0%)
4.	Di masa lapang saya membaca buku	0	2 (6.7%)	19 (63.3%)	9 (30.0%)
5.	Saya lebih suka membeli permainan daripada buku	9 (30.0%)	17 (56.7%)	2 (6.7%)	2 (6.7%)
6.	Saya bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran	00	00	9 (30.0%)	21 (70.0%)
7.	Saya suka menyiapkan kerja sekolah dengan segera	00	1 (3.3%)	18 (60.0%)	11 (36.7%)
8.	Ilmu sangat penting untuk memajukan diri	00	00	6 (20.0%)	24 (80.0%)
9.	Saya suka memberi sepenuh perhatian di dalam kelas	00	00	25 (83.3%)	5 (16.7%)
10.	Saya bercita-cita menyambung pelajaran ke universiti	00	00	11 (36.7%)	19 63.3%
11.	Keluarga saya adalah pendorong utama kejayaan saya	00	1 (3.3%)	2 (6.7%)	27 (90.0%)
12.	Ibubapa selalu bertanya tentang keputusan peperiksaan saya	00	2 (6.7%)	12 (40.0%)	16 (53.3%)

13.	Ibubapa tidak mengambil berat pelajaran saya	18 (60.0%)	9 (30.0%)	1 (3.3%)	2 (6.7%)
14.	Kejayaan adik-beradik mendorong saya untuk belajar	1 (3.3%)	1 (3.3%)	10 (33.3%)	18 (60.0%)
15.	Saya akan dimarahi ibubapa jika tidak belajar	1 (3.3%)	1 (3.3%)	13 (43.3%)	15 (50.0%)
16.	Ibubapa mendorong saya belajar	1 (3.3%)	1 (3.3%)	8 (26.7%)	20 (66.7%)
17.	Saya membaca setelah disuruh	7 (23.3%)	9 (30.0%)	12 (40.0%)	2 (6.7%)
18.	Ibubapa memberi kebebasan kepada saya untuk membuat keputusan	5 (16.7%)	9 (30.0%)	12 (40.0%)	4 (13.3%)
19.	Ibubapa menaruh harapan tinggi kepada saya untuk berjaya	00	00	4 (13.3%)	26 (86.7%)
20.	Saya selalu bertanya ibubapa sebelum membuat keputusan	00	1 (3.3%)	14 (46.7%)	15 (50.0%)

Melihat kepada hasil kajian soal selidik, kajian menunjukkan bahawa kesedaran di kalangan anak-anak orang asli ini telah lama wujud tetapi pengaruh budaya telah mnyempitkan mentaliti mereka untuk mengubah taraf hidup.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa ibubapa turut menyedari hakikat kepentingan pendidikan, di mana mereka sanggup menghantar anak-anak untuk belajar jauh di bandar. Kebanyakan ibubapa pelajar-pelajar orang asli mempunyai taraf pendidikan yang rendah, menyebabkan mereka tidak mampu untuk membantu dalam pelajaran anak-anak. Hal ini mendorong mereka menghantar anak-anak belajar di bandar dan menyerahkan segala tanggungjawab mendidik kepada pihak sekolah.

10.2. DAPATAN KAJIAN MELALUI PEMERHATIAN.

Melalui pemerhatian yang dijalankan, terdapat lima faktor utama yang membawa kepada kegagalan anak-anak orang asli dalam pencapaian akademik

10.2.1. SIFAT DAN PERSONALITI PELAJAR

a) Hiperaktif

Sikap semulajadi anak-anak orang asli sendiri yang suka bergerak dan tidak boleh duduk diam di dalam waktu yang lama. Sebagai contoh pemerhatian yang dijalankan di Asrama Darul Falah (ASDAF), pelajar-pelajar sering berkeliaran apabila tiada pengawasan dari warden asrama di mana anak-anak orang asli ini melakukan aktiviti menangkap kelawar, tupai dan ular untuk dijadikan bahan permainan dan usikan kawan-kawan. Disebabkan oleh sifat hiperaktif ini, mereka tidak dapat memberi penumpuan sepenuhnya semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan akhirnya menyebabkan mereka ketinggalan dalam pelajaran.

b) Mudah Bosan / Jemu

Melalui pengalaman selama tiga tahun salah seorang ahli kumpulan kajian ini yang terlibat dengan program mentor-mentee bersama pelajar orang asli di Ulu Chemperoh-Janda Baik, di Sungai Dua- Bentong, di perkampungan orang asli Batu 12-Gombak dan di ASDAF- Bangsar, didapati pelajar-pelajar orang asli ini mudah merasa bosan dan jemu dengan aktiviti pengajaran. Mereka hanya boleh memberi tumpuan selama 15 minit sahaja, kemudian mereka mula membuat aktiviti lain seperti mengusik rakan-rakan mereka, berlari-lari dan melompat-lompat di dalam kelas. Berikut daripada sikap mereka ini, aktiviti pengajaran tidak dapat dijalankan secara formal. Mereka lebih berminat mengikuti pengajaran berbentuk permainan yang memerlukan pergerakan yang banyak. Jika aktiviti pengajaran dilakukan di tempat tertutup seperti di dalam kelas, surau ataupun dewan, pelajar-pelajar ini hanya boleh memberi tumpuan selama 15 minit sahaja, kemudian mereka ini akan mula mencari jalan untuk keluar dari kelas untuk bermain-main di luar. Namun jika aktiviti pengajaran dijalankan di tempat terbuka seperti dibawah pokok atau di tepi sungai pelajar-pelajar ini mampu untuk memberi tumpuan terhadap pengajaran selama 30 minit. Ini mungkin disebabkan sifat semulajadi mereka yang dekat dan cintakan alam. Untuk melakukan aktiviti pengajaran di dalam kelas, guru-guru perlu selitkan beberapa aktiviti permainan yang memerlukan pelajar ini banyak bergerak. Hanya dengan cara ini pelajar-pelajar ini dapat memberi perhatian sepenuhnya.

c) Konsep Kendiri Yang Rendah

i) Pemalu

Pelajar orang asli ini juga didapati mempunyai konsep kendiri yang rendah dimana pelajar-pelajar ini terlalu malu apabila berhadapan dengan orang luar. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan di perkampungan orang asli Batu 12, didapati anak-anak orang asli ini susah untuk dihampiri dan didekati disebabkan oleh perasaan malu mereka. Apabila mereka ini cuba didekati, ada setengah daripada mereka menyembunyikan diri di dalam rumah dan ada juga yang lari memanjat pokok. Kerjasama daripada mereka hanya

diperolehi setelah puas dipujuk dan diberikan makanan ringan sebagai cenderahati. Ini menunjukkan anak-anak orang asli ini terdorong untuk belajar apabila diberi peneguhan luaran. Perasaan ini juga merupakan faktor yang membawa kepada keciciran pelajaran di mana jika sikap ini terbawa-bawa hingga ke sekolah iaitu malu hendak bertanya apabila tidak faham sesuatu pengajaran akhirnya merugikan diri mereka sendiri.

ii) Mudah terasa/ Sensitif

Selain itu, sikap mereka yang terlalu sensitif disebabkan oleh rasa rendah diri juga menyebabkan mereka selalu ponteng sekolah. Sebagai contoh, kanak-kanak orang asli di Ulu Chemperoh, Janda Baik yang bersekolah di sekolah kebangsaan biasa, mereka ini malu untuk hadir ke sekolah kerana merasakan diri mereka dipandang rendah oleh masyarakat luar kerana penampilan mereka yang terlalu berbeza dengan pelajar biasa seperti pakaian sekolah yang lusuh dan bertampung sana-sini, kasut koyak dan peralatan sekolah yang serba kekurangan.

10.2.2. FAKTOR KELUARGA

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, didapati bahawa tahap pendidikan ibubapa yang rendah juga mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak orang asli. Ini kerana mereka tidak dapat membantu anak-anak mereka di dalam pelajaran. Selain itu tahap sosioekonomi mereka yang rendah juga turut mempengaruhi pencapaian anak-anak mereka. Kebanyakan ibubapa mereka hanya menumpukan kepada pekerjaan untuk menampung keperluan hidup sehingga mengabaikan pendidikan anak-anak mereka.

Faktor kediaman yang kurang selesa juga menyumbang kepada tahap pencapaian anak-anak orang asli. Kebanyakan rumah di perkampungan orang asli Batu 12 dan Ulu Chemperoh hanya mempunyai satu bilik dan ada setengahnya langsung tidak mempunyai bilik, dimana disitu la tempat mereka tidur, disitu juga tempat mereka makan dan disitulah juga tempat mereka belajar. Keadaan yang tidak kondusif ini menyukarkan anak-anak orang asli ini untuk belajar.

Faktor ibubapa yang berkahwin pada usia terlalu muda menyebabkan pencapaian akademik yang rendah dikalangan anak-anak orang asli. Kefahaman yang kurang tentang tanggungjawab sebagai ibubapa mempengaruhi pencapaian anak-anak mereka. Ibubapa yang terlalu muda ini juga tidak tahu mengutamakan yang mana lebih penting seperti pemerhatian di perkampungan orang asli Batu 12 dan di Ulu Chemperoh didapati ada ibubapa yang mampu melanggan Astro tetapi yang menyediakan mereka ini tidak pula mampu menyediakan buku rujukan untuk anak-anak mereka. Ini menunjukkan ibubapa ini lebih mementingkan kehendak diri daripada pendidikan anak-anak mereka.

10.2.3. FAKTOR MASYARAKAT

Mentaliti masyarakat orang asli yang tidak berubah terhadap pendidikan turut mempengaruhi pencapaian pelajar. Mereka berpendapat walaupun tidak mempunyai pendidikan yang tinggi, kehidupan masih lagi boleh diteruskan. Sikap mereka yang hanya menerima apa sahaja yang ada tanpa ada usaha untuk memajukan diri dan meningkatkan taraf hidup turut mempengaruhi mentaliti anak-anak orang asli untuk terus hidup dalam keadaan yang sederhana.

Tidak dinafikan, terdapat segelintir daripada mereka yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi. Namun, apa yang menyediakan mereka ini bagaikan kacang lupukan kulit dimana mereka ini seolah-olah lupa akan asal usul mereka iaitu mereka tidak mahu pulang berbakti memajukan dan menyedarkan masyarakat mereka sendiri.

10.2.4. FAKTOR GEOGRAFI

Kedudukan perkampungan orang asli yang jauh di pedalaman turut memberi kesan terhadap pendidikan anak-anak orang asli. Kedudukan mereka yang jauh terpencil di pedalaman ini menyebabkan mereka jauh daripada kemudahan awam seperti pengangkutan awam, perpustakaan, alat perhubungan (jalan raya dan alat komunikasi). Disebabkan oleh kurangnya kemudahan yang diterima, ditambah pula oleh mentaliti mereka yang sempit menyebabkan mereka malas berusaha untuk mendapatkan pendidikan yang terbaik untuk anak-anak mereka.

10.2.5. FAKTOR PEMAKANAN

Faktor pemakanan juga turut mempengaruhi tahap pencapaian pendidikan. Ini kerana makanan yang baik dan berkhasiat mampu mempengaruhi tahap kecerdasan akal. Masyarakat orang asli di Ulu Chemperoh majoritinya bukan Islam. Mereka ini makan semua jenis makan seperti katak, ular, mengkarung dan kera yang mana makanan ini amat tidak elok untuk kecerdasan akal. Faktor ini juga turut menyumbang kepada keciciran pelajaran pelajar orang asli.

Hasil kajian melalui pemerhatian ini berbeza sedikit dengan dapatan kajian melalui soal selidik kerana kaedah soal selidik ini hanya melibatkan pelajar-pelajar orang asli Asrama Darul Falah yang kebanyakannya telah mula menyedari hakikat kepentingan pendidikan sedangkan kaedah kajian melalui pemerhatian ini melibatkan tiga buah tempat yang berlainan yang melibatkan masyarakat orang asli yang berbeza tingkat fahaman dan fikiran. Walaupun mereka ini mula menyedari hakikat kepentingan pendidikan, namun kesedaran sahaja belum mencukupi untuk mengubah peratus keciciran ini kerana masih terdapat banyak faktor lain lagi yang turut menghalang kejayaan mereka.

10.3. DAPATAN KAJIAN MELALUI TEMUBUAL

10.3.1. TAHAP KESEDARAN IBUBAPA ORANG ASLI

Hasil dapatan kajian yang dijalankan, masyarakat orang asli khususnya ibubapa telah menyedari hakikat kepentingan pendidikan. Semua anak-anak mereka telah disekolahkan diperingkat awal lagi. Menurut Puan Ainon anak-anak di perkampungan orang asli, Ulu Chemperoh, Janda Baik, telah dimasukkan ke peringkat pra-sekolah lagi. Manakala di perkampungan orang asli Batu 12, walaupun pelajaran tidak bermula diperingkat pra-sekolah, semua anak-anak akan mula mendapatkan pendidikan di Sekolah Kebangsaan Batu 7.

Namun begitu, tahap kesedaran mereka masih rendah. Hasil temubual pengkaji dengan seorang bapa yang dikenali sebagai Aloi, beliau menyediakan kewangan yang cukup untuk pembelajaran anaknya, namun tidak dapat membantu dalam pembelajaran dan menentukan hala tuju pendidikan anak-anak. Kebanyakan urusan pendidikan di serah kepada pengurusan pihak sekolah. Ini kerana ibubapa juga mempunyai tahap pendidikan yang rendah. Mereka hanya menyediakan sumber-sumber kewangan kepada anak-anak mereka tetapi kurang memberi bimbingan dalam pelajaran anak-anak. Kebanyakan keputusan pendidikan adalah ditentukan oleh anak-anak sendiri atau guru-guru dan rakan-rakan sebaya. Ini diakui sendiri oleh Tok Batin dan Pengetua ASDAF.

10.3.2. TAHAP KESEDARAN ANAK-ANAK ORANG ASLI

Tahap kesedaran pelajar-pelajar orang asli terhadap pendidikan pula banyak dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Mereka bersekolah di sekolah kebangsaan yang mana pelajar-pelajarnya datang daripada latarbelakang yang pelbagai. Ketidakmampuan mereka untuk bergaul dengan masyarakat sekolah telah menyebabkan keciciran dalam pelajaran, ditambah pula jika mereka tidak mampu berbahasa Melayu. Mengikut pengetua ASDAF, Encik Hasmadi, pelajar-pelajar ini mempunyai masalah bahasa pada peringkat permulaan dan mengambil masa beberapa tahun untuk betul-betul menguasai Bahasa Melayu.

Kurangnya pendedahan dan bimbingan daripada keluarga juga menjadi antara faktor yang menyumbang kepada kegagalan pelajar-pelajar menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Anak-anak orang asli bersekolah di sekolah kebangsaan di mana mereka mendapat pendidikan dan pendedahan yang sama dengan pelajar lain. Namun, tidak semua daripada mereka dapat melanjutkan pelajaran ke menara gading walaupun mendapat keputusan yang agak baik. Ini disebabkan mereka kurang pendedahan kepada perkembangan semasa negara dan kurang mendapat bimbingan daripada keluarga. Segala maklumat pendidikan hanya mampu didapati daripada guru-guru dan rakan-rakan sebaya di sekolah.

Anak-anak orang asli juga masih rendah tahap kesedaran tentang hak pendidikan mereka dan tidak mengetahui cara untuk memohon bantuan bagi membiayai pengajian. Mengikut Tok Batin, seorang pelajar daripada penduduk Batu 12 telah berjaya melanjutkan pelajaran di Universiti Teknologi Mara dalam bidang perhotelan. Namun, beliau terpaksa berhenti belajar dan bekerja untuk mengumpul wang bagi menyambung

kembali pelajarannya. Jika orang asli ini mengetahui cara memohon pinjaman atau biasiswa, sudah tentu dapat mengelakkan mereka menangguhkan pelajaran dan terpaksa berusaha sendiri untuk memperolehi wang.

Menurut Tok Batin, seramai 20 orang pelajar orang asli telah mendapat keputusan yang baik dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2006. Walaubagaimanpun, hanya 12 orang yang meneruskan pelajaran di IPTA. Manakala yang tidak mempunyai sebarang pembiayaan terpaksa menamatkan persekolahan di peringkat SPM.

10.3.3. HALANGAN GEOGRAFI

Faktor geografi juga turut mempengaruhi pencapaian pendidikan mereka. Ini kerana tempat tinggal mereka terletak jauh dari bandar dan jauh daripada masyarakat luar. Kehidupan anak-anak ini hanyalah bertumpu di sekolah dan rumah mereka. Selepas pulang dari sekolah, mereka bermain atau membantu ibu bapa dalam menguruskan keluarga. Ibubapa pula keluar bekerja jauh di bandar dan mempunyai masa yang terhad bersama anak-anak.

Ditambah pula struktur susunan kediaman yang berselerak seperti kawasan setinggan juga tidak memberi suasana yang kondusif untuk anak-anak membesar dengan baik. Seperti kata Tok Batin, perkampungan orang asli Batu 12 mempunyai penduduk seramai 3000 orang, tinggal di kawasan yang kecil menyebabkan suasana kebisingan dan tidak selesa untuk belajar.

Keadaan ini juga telah menyebabkan penglibatan masyarakat orang asli dengan masyarakat luar menjadi sangat terhad. Contohnya, penduduk orang asli di Batu 12 tinggal disatu perkampungan dan tidak bercampur dengan masyarakat luar. Oleh itu, mereka yang kurang terdedah dengan perkembangan semasa terutama dari segi pendidikan.

10.3.4. MASALAH KEWANGAN

Terdapat juga segelintir ibubapa yang tidak mempunyai sumber kewangan yang cukup untuk membiayai pendidikan anak-anak di peringkat menara gading. Kebanyakan anak-anak hanya mampu menamatkan persekolahan di tingkatan tiga atau tingkatan lima. Walaupun anak-anak mereka ada yang memperolehi keputusan yang baik dalam peperiksaan, namun segelintirnya terpaksa berhenti sekolah untuk membantu ibubapa.

10.3.5. PERBEZAAN BAHASA

Faktor bahasa juga menjadi salah satu halangan untuk masyarakat orang asli terdedah kepada perkembangan semasa terutama yang berkaitan dengan isu pendidikan. Di perkampungan orang asli Batu 12, dengan mempunyai 18 etnik yang pelbagai seperti Senoi, Semai, Gritus, Bitomelai, Temiar, dan Janik menggunakan dialek etnik masing-

masing yang tiada kesamaan. Komunikasi juga menjadi lebih terhad kerana hanya sedikit daripada mereka yang mampu berbahasa Melayu. Jadi, maklumat-maklumat semasa atau perkembangan pendidikan yang terkini tidak dapat diikuti dan difahami dengan jelas.

10.3.6. KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR

Tambah beliau lagi, kemudahan infrastruktur dan prasarana seperti balai raya dan surau ada disediakan perkampungan orang asli ini. Namun, tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat orang asli. Kedudukan perumahan mereka yang terasing daripada penduduk Melayu yang lain memberi tanggapan seolah-olah mereka tidak berhak menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan.

Pandangan *stereotype* dan stigma masyarakat yang mengasingkan orang asli daripada masyarakat Malaysia menyekat kebebasan mereka menikmati hak-hak yang saksama dalam negara.

Di samping itu, masyarakat orang asli ini juga tidak mengetahui saluran yang betul untuk memohon bantuan kewangan atau sebarang peruntukan kewangan yang disediakan oleh kerajaan untuk mereka. Ditambah dengan karenah birokrasi di pihak atasan, mengehadkan lagi proses rayuan mereka untuk memenuhi keperluan mereka.

Secara keseluruhannya, kesedaran pendidikan sudah wujud di kalangan masyarakat orang asli. Namun, disebabkan beberapa faktor penghalang seperti bahasa, persekitaran, geografi, pendidikan ibubapa, dan pendedahan luar menjadikan tahap pendidikan masih di tahap yang kurang memuaskan. Ibubapa adalah dilihat sebagai peranan terpenting yang boleh menyumbang kepada peningkatan tahap pendidikan anak-anak.

11. FAKTOR-FAKTOR YANG MENDORONG PEMBELAJARAN

1) Pengaruh baka dan persekitaran;

- Prof Dr James D.Watson(1985), otak yang tidak berfungsi dengan baik adalah disebabkan faktor genetik. Papalia dan Olds (1985), perkahwinan di dalam keluarga terdekat boleh menyebabkan anak yang lahir menjadi tidak normal, tidak sihat dan berpenyakit. Zulkifli dan rakan-rakan (1987), faktor kebakaan atau perwarisan boleh memberi kesan besar kepada perkembangan mental, emosi & fizikal seseorang. Walaubagaimanapun, kita tidak dapat menolak bahawa faktor-faktor persekitaran lain juga boleh membantu kecerdasan seseorang.

2. Faktor dalaman (“intrinsic motivation”)

Kesedaran diri atau keinginan diri untuk mencapai suatu matlamat juga merupakan faktor penting yang mendorong seseorang untuk belajar. Merujuk kepada Teori Pelaziman Klasik- Muhamad Salleh Lebar (1999), ibu-bapa tidak boleh sangat mengajar atau

memberi ganjaran kepada anak-anak untuk belajar, sebaliknya kesedaran sendiri dan sikap cintakan pelajaran haruslah disemai.

3. Faktor luaran (Extrinsic motivation)

Selain itu, faktor luaran juga memainkan peranan penting dalam mendorong seseorang untuk belajar. Di antara faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut:-

- i. Dorongan ibu-bapa/guru
- ii. Pengaruh rakan sebaya
- iii. Pengaruh sosiobudaya

Menurut Coleman (1966), terdapat kesan latar belakang sosial keluarga terhadap pencapaian pelajaran dan pendidikan anak-anak; Mine (1966), status pekerjaan ibu-bapa dan jenis keluarga mempengaruhi pencapaian mereka Boocock (1972) menyatakan bahawa pengaruh-pengaruh dalam pencapaian akademik pelajar termasuklah pengaruh persekitaran sosial keluarga, taraf pendidikan ibu-bapa, jenis pekerjaan ibu-bapa dan faktor keupayaan individu yang lahir.

Antara pendekatan pendekatan yang boleh digunakan untuk menangani masalah keciciran pelajar orang asli ialah kelas khas atau sekolah khas untuk pelajar orang asli perlu diwujudkan secara sistematik dan teratur. Guru perlu memainkan peranan untuk menarik minat pelajar untuk belajar (menggunakan teknik-teknik pengajaran yang berkesan). Guru juga perlu memainkan peranan untuk mengubah paradigma pelajar orang asli bagi memfokuskan bahawa kejayaan dan kecermerlangan pelajaran adalah matlamat utama. Selain itu guru perlu bijak menggunakan kaedah peneguhan bagi menggalakkan pembelajaran (Teori pembelajaran operan atau instrumental) dan mempelbagaikan aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan tahap keyakinan pelajar-pelajar. Jabatan-jabatan khas perlu komited dan konsisten dalam melaksanakan tanggungjawab mereka bagi meningkatkan kesedaran pendidikan di kalangan masyarakat orang asli.

12. LIMITASI & MASALAH KAJIAN

Sepanjang menjalankan kajian ini, terdapat beberapa limitasi yang dihadapi seperti kerentak birokrasi yang terlalu *rigid* dimana untuk mendapatkan bahan kajian daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, pengkaji terpaksa melalui beberapa prosedur yang telah ditetapkan.

Selain itu, sumber rujukan yang berkaitan dengan pendidikan orang asli agak sukar diperolehi. Sebagai contoh di perpustakaan UIAM sendiri, bahan-bahan yang direkodkan di OPAC tidak terdapat ditempatnya. Tesis terdahulu yang berkaitan dengan kajian ini juga tiada. Kebanyakan tesis terdahulu hanya berkisar tentang budaya, agama, ekonomi dan pemilikan tanah orang asli.

Perbezaan bahasa juga menjadi halangan dalam menjalankan kajian ini. Pengkaji menghadapi masalah komunikasi sehingga sukar untuk mendapatkan maklumat kajian. Ini kerana tidak ramai masyarakat orang asli yang fasih berbahasa Melayu.

Di samping itu, perbezaan cara hidup di antara masyarakat orang asli dan pengkaji juga menjadi halangan dalam menjalankan kajian ini. Masyarakat orang asli menganggap anjing sebagai haiwan peliharaan sehingga banyaknya anjing berkeliaran di kawasan kampung. Keadaan ini telah menyukarkan pengkaji yang takut kepada anjing untuk menjalankan kajian.

13. CADANGAN KAJIAN

Untuk kajian seterusnya, dicadangkan supaya pengkaji dapat menumpukan kajian kepada kaedah dan pendekatan yang sesuai untuk menggalakkan dan mempertingkatkan tahap kesedaran pendidikan masyarakat orang asli. Jika dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah *descriptive* (gambaran), diharapkan pengkaji akan datang dapat mengendalikan kajian yang lebih proaktif seperti mengkaji langkah-langkah yang lebih berkesan dalam meningkatkan taraf pendidikan masyarakat orang asli.

Pengkaji juga mencadangkan kajian dijalankan dengan lebih meluas melibatkan lebih ramai kumpulan sasaran masyarakat orang asli di seluruh Malaysia bagi meningkatkan tahap *reliability* (kebolehpercayaan) dan *validity* (kesahan) hasil kajian.

14. PENUTUP

Melalui kajian yang dijalankan, masih terdapat jurang pergaulan masyarakat orang asli dengan masyarakat luar disebabkan oleh perbezaan bahasa dan budaya. Perbezaan ini telah menyebabkan mereka kurang terdedah kepada perkembangan pendidikan semasa. Ini juga menyukarkan usaha pembangunan dan perkembangan pendidikan berjalan seiring dengan matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia. Mengikut perangkaan UNICEF, terdapat lebih kurang 80 peratus kanak-kanak orang asli yang tidak pernah menamatkan persekolahan di peringkat sekolah menengah. Jika masalah ini berterusan tanpa adanya tindakan susulan, negara telah membazirkan sebahagian besar modal insan yang berpotensi menyumbang kepada pembangunan negara.

Oleh yang demikian, semua pihak seharusnya memainkan peranan penting dalam mengubah paradigma orang asli yang tidak mahu mengubah gaya hidup dan taraf kehidupan kepada yang lebih baik dan mampu bersaing dengan masyarakat luar yang lain. Pendemokrasian pendidikan tidak pernah menghalang mereka untuk mendapatkan pendidikan dan berjaya seperti orang lain kerana setiap individu mempunyai potensi untuk berjaya. Sebagaimana firman Allah di dalam Al-Qur'an yang bermaksud:-

“Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan mereka mengubah nasibnya sendiri”